

28 AUG 1998

SHAFIE YAKIN UMNO BOLEH MENANGI SEMULA KELANTAN

JELI, 28 Ogos (Bernama) -- Anggota Majlis Tertinggi UMNO (MT) Datuk Shafie Apdal yakin UMNO akan dapat memenangi semula negeri ini daripada Pas pada pilihan raya umum akan datang.

Katanya, keyakinan itu berdasarkan kepada perubahan sikap rakyat Kelantan lebih-lebih lagi semenjak kunjungan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negeri ini pada minggu lepas.

Mereka yakin kerajaan yang dipimpin oleh Perdana Menteri lebih berkemampuan untuk menangani masalah ekonomi dan isu berbangkit berbanding dengan Pas, katanya ketika melancarkan pilihan raya percubaan peringkat Parlimen Jeli di kompleks Umno Bukit Nangka hari ini.

Shafie yang juga Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan berkata sebagai persiapan awal menghadapi pilihan raya, anggota UMNO hendaklah mengetepikan sebarang perselisihan faham sesama sendiri dan memperkukuhkan perpaduan.

Katanya, hanya perpaduan yang utuh dan semangat bekerjasama tanpa mementingkan diri sendiri akan menjamin UMNO terus bertapak dan diterima rakyat.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamad yang juga anggota Parlimen Jeli.

-- BERNAMA

ZT NMO